

# MAJLIS BACAAN YAASIN DAN SOLAT HAJAT SERTA RAWATAN RUQYAH PERDANA

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4391-majlis-bacaan-yaasin-dan-solat-hajat-serta-rawatan-ruqyah-perdana](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4391-majlis-bacaan-yaasin-dan-solat-hajat-serta-rawatan-ruqyah-perdana)

INSPRA, 17 Jan 19 – Institut Latihan Pengurusan Ruang Angkasa (INSPRA) telah mengadakan Majlis Bacaan Yaasin dan Solat Hajat bertempat di Surau Al-Ilmiah, INSPRA. Majlis yang dianjurkan ini telah dipimpin oleh Ustaz Pangkalan Udara Kuantan, Sjn Hanif.



Turut hadir di majlis ini adalah Komandan INSPRA, Kol Ben Khedda Adnan bin Mohd Yusoff TUDM, Pegawai Laksana INSPRA, Lt Kol Wan Amir Zaki bin Wan Hassan TUDM serta pegawai-pegawai, anggota dan peserta kursus INSPRA. Selain itu, Rawatan Ruqyah Perdana turut diadakan sebaik selesai Solat Isyak dan Solat Hajat yang diketuai oleh Pegawai Agama INSPRA, Mej Salam bin Shukar TUDM. Semoga majlis ini mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah S.W.T.